



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM KURSUS WAJIB INSTITUT  
PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA***

**MARINA BINTI MAHAROFF**

**FPP 2014 34**



**PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM KURSUS WAJIB  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA**

Oleh

**MARINA BINTI MAHAROFF**



**Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Ogos, 2014**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

Dedikasi buat semua insan yang mengajar dan mendidik, pelajar dan  
Nurul Syahirah Binti Nor Alias



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM KURSUS WAJIB  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA**

Oleh

**MARINA BINTI MAHAROFF**

**Ogos 2014**

**Pengerusi : Profesor Madya Aminuddin Hassan, PhD**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Semenjak Wawasan 2020 diwujudkan pada tahun 1991, sistem pendidikan di Malaysia telah menerima pakai anjakan paradigma pendidikan daripada pengajaran kepada pembelajaran. Paradigma pengajaran adalah sinonim dengan pendekatan berpusatkan guru manakala paradigma pembelajaran sinonim dengan pendekatan berpusatkan pelajar. Bermula pada tahun 2006, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewajibkan penerapan kemahiran insaniah (KI) di institusi pengajian tinggi awam, dan Institut Pendidikan Guru (IPG) telah mengambil inisiatif untuk menerapkan KI melalui pengajaran dan pembelajaran Kursus Wajib, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Kursus Wajib dalam menerapkan KI telah menimbulkan isu dalam amalan pengajaran dan pembelajaran yang dapat menangani kedua-dua cabaran untuk mengajar Kursus Wajib dan dalam masa yang sama menerapkan elemen-elemen KI seperti yang telah ditetapkan oleh IPG.

Kajian ini telah dijalankan di IPG Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan, untuk meneroka pengalaman pensyarah dan guru pelatih terhadap pengajaran dan pembelajaran Kursus Wajib dalam menerapkan KI. Oleh itu kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan kajian berikut; (i) Apakah kepercayaan pensyarah terhadap pengajaran Kursus Wajib dalam menerapkan KI di IPG?, (ii) Bagaimana pensyarah mengamalkan pengajaran Kursus Wajib yang menerapkan KI di IPG?, (iii) Apakah kepercayaan guru pelatih terhadap pembelajaran Kursus Wajib dalam menerapkan KI di IPG?, dan (iv) Bagaimana guru pelatih mengamalkan pembelajaran Kursus Wajib yang menerapkan KI di IPG?

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif. Seramai lima orang pensyarah dan sepuluh orang guru pelatih telah terlibat dalam kajian ini. Kesemua pensyarah mewakili setiap jabatan yang menawarkan kursus-kursus berbeza dalam Kursus Wajib. Peserta guru pelatih terdiri daripada sepuluh orang guru pelatih tahun akhir PISMP yang mewakili Kursus Major berbeza. Data kajian telah dikumpulkan melalui

beberapa kaedah; (i) temu bual individu; (ii) temu bual kumpulan berfokus; (iii) pemerhatian di dalam kelas; (iv) temu bual merangsang ingatan; dan (v) analisis dokumen. Pengkaji menggunakan Model Interaksi M & H untuk Analisis Data Kualitatif (Miles dan Huberman, 1994) untuk menganalisis data yang telah dikumpul.

Rumusan dapanan kajian menunjukkan; (i) Pensyarah percaya bahawa pengajaran Kursus Wajib telah tersedia dengan penerapan KI, pensyarah memainkan kedua-dua peranan sebagai penyampai pengetahuan dan pembimbing guru pelatih dalam menerapkan KI, dan wujud keselarian di antara kaedah penerapan KI dengan pendekatan berpusatkan pelajar; (ii) Pensyarah mengamalkan pendekatan berpusatkan guru dan berpusatkan pelajar dalam pengajaran; (iii) Guru pelatih percaya pendekatan berpusatkan guru berlaku melalui pembelajaran yang pasif tetapi memberi kelebihan kepada pemahaman guru pelatih manakala pendekatan berpusatkan pelajar berlaku melalui pembelajaran yang aktif, dan (iv) Guru pelatih penerapan KI membina sikap bertanggungjawab mereka terhadap pembelajaran dan memberi kesan kepada pendekatan pembelajaran mereka.

Dapanan kajian memberi implikasi dalam bentuk pengaruh penerapan KI kepada amalan pendekatan berpusatkan pelajar, yang didapati selari di antara teori penerapan KI dengan teori pengajaran dan pembelajaran; dan keperluan IPG untuk membangunkan latihan perguruan yang menekankan konsep integrasi dan holistik. Kajian ini boleh dikembangkan lagi di masa hadapan dengan mengkaji peranan pensyarah dalam mengukuhkan pengajaran yang menerapkan KI dan kajian terhadap pembangunan kerangka kerja yang menggabungkan kedua-dua teori penerapan KI dan pengajaran.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree Doctor of Philosophy

## **EMBEDDING SOFT SKILLS INTO COMPULSORY COURSES OF INSTITUTE OF TEACHER EDUCATION IN MALAYSIA**

By

**MARINA BINTI MAHAROFF**

**August 2014**

**Chairman : Associate Professor Aminuddin Hassan, PhD**

**Faculty : Educational Studies**

Since Vision 2020 has been established in 1991, the paradigm in education system in Malaysia has been shifted from teaching to learning. Teaching paradigm is synonym with teacher-centered learning while learning paradigm is for student-centered learning. Starting from the year 2006, Ministry of Education Malaysia has obligated the implementation of soft skills in Higher Education Institution (HEI) while Institute of Teacher Education (IPG) has taken their initiative by embedding soft skills into the teaching and learning of compulsory course in Degree of Teaching Programme (PISMP). Soft skills embedding into the teaching and learning of compulsory courses has raised issues that can address both the challenge to teach compulsory courses and at the same time to embed soft skills as prescribed by IPG.

The study was conducted at IPG Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan, to explore the lecturers' and teacher's trainees in teaching and learning of compulsory courses in embedding soft skills. This study was undertaken to obtain answers for the research questions; (i) What are the lecturers' belief in the teaching of compulsory courses in embedding soft skills at IPG?, (ii) How the lecturers practicing the teaching of compulsory courses in embedding soft skills at IPG?; (iii) What are the teacher trainees' beliefs in the learning of compulsory courses in embedding soft skills at IPG?, and (iv) How teacher trainees practicing the teaching of compulsory courses in embedding soft skills at IPG?

Qualitative approach has been designed for this study. A total of five lecturers and ten teacher trainees were involved in the study. All lecturers, representing every department that offers different courses in compulsory courses. The teacher trainee participants consist of ten trainees in their final year of PISMP, representing various major courses. Data were collected through several methods; (i) individual interviews; (ii) focus group interviews; (iii) the observation in the classroom; (iv) stimulated recall interviews; and (v) document analysis. Researchers use M & H Interaction Model for Qualitative Data Analysis (Miles and Huberman, 1994) to analyze the data collected.

To summarize the findings, study shows that (i) the lecturer believes that soft skills embedment are already exist in compulsory courses, lecturers play both roles as a knowledge representor and as a facilitator for teacher trainees in embedding soft skills, and there is a consistency between the soft skills embedment method with student-centered approach; (ii) lecturers practicing both student-centered and teacher-centered approach (iii) trainees believe that teacher-centered approach occurs through passive learning but it is an advantage to their understanding while student-centered approach occurs through active learning, and (iv) the embedment of soft skills build a responsible attitude in the trainees attitude towards learning and it affects upon their learning approach.

The findings have influence the soft skills embedment in student-centered approaches, which are similar to the soft skills embedment theory to the teaching and learning theory; and the needs of IPG to develop itself that emphasizes the concept of holistic and integration. This study can be extended in the future by studying the role of lecturers in strengthening their teaching method with soft skills embedment and study upon framework development that combines both soft skills embedment and teaching theories.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan rasa rendah diri saya bersyukur di atas nikmat Allah SWT yang telah memberikan saya peluang, bantuan, keyakinan, kesabaran, kecekalan dan insan-insan yang budiman di sepanjang pengajian ini. Salawat dan salam juga buatmu Rasulullah SAW yang dikasihi.

Berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada ahli komiti penyeliaan tesis, Prof. Madya Dr. Aminuddin Hassan, Prof. Madya Dr. Mohd Ibrahim Nazri dan Prof Madya Dr. Tajularipin Sulaiman yang telah memberikan bimbingan di sepanjang menyiapkan proses penyediaan tesis ini.

Penghargaan juga dipanjangkan kepada pihak pengurusan Kolej Matrikulasi Labuan, Kolej Matrikulasi Melaka, Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Pusat Sumber UPM, Pusat Sumber UKM dan Kementerian Pendidikan Malaysia yang menyokong usaha mengikuti pengajian ini. Penghargaan turut dirakamkan kepada semua peserta kajian iaitu pensyarah dan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar yang memberikan kerjasama yang sangat memuaskan.

Sekalung ucapan terima kasih dengan kasih sayang buat puteri ibu, Nurul Syahirah Binti Nor Alias yang memberikan ibu ruang dan masa untuk menuntut ilmu. Begitu juga kepada mak, ayah, adik-adik dan semua ahli keluarga di atas galakan dan sokongan yang berpanjangan.

Akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua sahabat saya di Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Pendidikan Guru, Kolej Matrikulasi Melaka, Kolej Matrikulasi Labuan, sahabat-sahabat Topaz (1988) & Theta (1990) Sekolah Menengah Convent Seremban dan semua pelajar saya di atas sokongan, motivasi dan menjadi peneman saya di sepanjang penulisan tesis ini.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 29 Ogos 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Marina Binti Maharoff bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Kursus Wajib Institut Pendidikan Guru di Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Sidek Mohd Noah, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Asmawaty Binti Suhid, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Norhasni Binti Zainal Abidin, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Yeo Kee Jiar, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Malaysia

(Pemeriksa Luar)

**NORITAH OMAR, PhD**

Profesor Madya dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 23 Oktober 2014

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Aminuddin Hassan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohd Ibrahim Nazri, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Tajularipin Sulaiman, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 30 Oktober 2014

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: 23 Oktober 2014

Nama dan No. Matrik: Marina Binti Maharoff (GS27432)

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan

Profesor Madya Dr. Aminuddin Hassan

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan

Profesor Madya Dr. Mohd Ibrahim Nazri

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan

Profesor Madya Dr. Tajularipin Sulaiman

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PENGAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Signifikan Kajian	8
1.6 Batasan Kajian	9
1.7 Definisi Operasi	10
1.9 Rumusan	14
 <b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	15
2.1 Pengenalan	15
2.2 Latar Belakang Teori	15
2.2.1 Anjakan Paradigma Pengajaran Kepada Pembelajaran	15
2.2.2 Kepercayaan Tentang Pengajaran dan Pembelajaran	17
2.2.3 Teori Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran	19
2.2.3.1 Pendekatan Berpusatkan Pelajar (Guru Pelatih)	20
2.2.3.2 Pendekatan Berpusatkan Guru	24

	(Pensyarah)	
2.2.3.3	Analisis Teori Pendekatan Berpusatkan Pelajar dan Pendekatan Berpusatkan Guru	27
2.2.4	Teori Penerapan Kemahiran Insaniah	31
2.2.4.1	Konteks Institusi Pengajian Tinggi Malaysia	34
2.2.4.2	Konteks Institut Pendidikan Guru	37
2.2.5	Kerangka Teoritikal Kajian	39
2.3	Kajian Lepas	43
2.3.1	Kajian Berkaitan Pendekatan Berpusatkan Pelajar dan Berpusatkan Guru di Dalam Negara	44
2.3.2	Kajian Berkaitan Pendekatan Berpusatkan Pelajar dan Berpusatkan Guru di Luar Negara	45
2.3.3	Penerapan Kemahiran Insaniah di Institut Pengajian Tinggi	47
2.4	Rumusan	50
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>51</b>
3.1	Pendahuluan	51
3.2	Reka Bentuk Kajian	51
3.2.1	Paradigma Konstruktivis	51
3.2.2	Kaedah Kualitatif	53
3.2.3	Strategi Kajian Kes	54
3.3	Lokasi Kajian	56
3.4	Peserta Kajian	58
3.5	Instrumen Kajian	60
3.5.1	Analisis Dokumen	60
3.5.2	Temu Bual Separa Berstruktur	61
3.5.3	Pemerhatian Dalam Kelas	64
3.5.4	Temu Bual Merangsang Ingatan	65
3.6	Prosedur Kajian	66
3.7	Penganalisaan Data	70
3.7.1	Peringkat Semakan Manual dan Membuat Refleksi	70

3.7.2	Peringkat Pengekodan Menggunakan Atlas.ti	70
3.7.3	Peringkat Interpretasi Data	71
3.8	Mewujudkan Kebolehpercayaan	72
3.8.1	Kredibiliti	73
3.8.2	Kebolehpindahan	75
3.8.3	Keteguhan dan Kesahan	75
3.9	Isu Etika	75
3.10	Rumusan	76
<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>78</b>
4.1	Pendahuluan	78
4.2	Pengajaran Pensyarah	78
4.2.1	Profil Peserta Pensyarah	78
4.2.2	Gambaran Keseluruhan Tema	80
4.2.2.1	Tema Pertama: Kepercayaan Tentang Pengajaran Kursus Wajib Dalam Menerapkan Kemahiran Insaniah	80
4.2.2.2	Tema Kedua: Amalan Pendekatan Berpusatkan Guru	85
4.2.2.3	Tema Ketiga: Pendekatan Pengajaran Berpusatkan Pelajar	92
4.3	Interpretasi Kepercayaan dan Amalan Pengajaran Kursus Wajib Dalam Menerapkan Kemahiran Insaniah Oleh Pensyarah	103
4.3.1	Menggunakan Pendekatan Berpusatkan Guru	104
4.3.2	Menggunakan Pendekatan Berpusatkan Pelajar	107
4.3.3	Elemen-elemen Kemahiran Insaniah yang Diterapkan Ke Dalam Kursus Wajib	111
4.3.4	Kaedah Penerapan Elemen-elemen Kemahiran Insaniah Ke Dalam Kursus Wajib	112
4.4	Pembelajaran Pelatih	112
4.4.1	Profil Guru Pelatih	113
4.4.2	Gambaran Keseluruhan Tema	113

4.4.2.1	Tema Pertama: Kepercayaan Terhadap Pendekatan Berpusatkan Guru Melalui Pengajaran Pasif	114
4.4.2.2	Tema Kedua: Kepercayaan Terhadap Pendekatan Berpusatkan Pelajar Melalui Pengajaran Aktif	120
4.4.2.3	Tema Ketiga: Amalan Sikap Bertanggungjawab ke Atas Pembelajaran Sendiri	130
4.4.2.4	Tema Keempat: Kesan Penerapan Kemahiran Insaniah Terhadap Pembelajaran	134
4.5	Interpretasi Kepercayaan dan Amalan Pembelajaran Kursus Wajib Dalam Menerapkan Kemahiran Insaniah Oleh Guru Pelatih	137
4.5.1	Mengguna Pakai Pendekatan Berpusatkan Guru	138
4.5.2	Mengguna Pakai Pendekatan Berpusatkan Pelajar	142
4.6	Rumusan	144
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	145
5.1	Pengenalan	145
5.2	Objektif dan Metodologi Kajian	145
5.3	Dapatan Kajian	145
5.3.1	Implikasi Kepada Teori	150
5.3.1.1	Pengaruh Penerapan Kemahiran Insaniah Ke Atas Pengajaran dan Pembelajaran	150
5.3.1.2	Teori Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Menggunakan Strategi Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	153
5.3.1.3	Kesesuaian Teori Penerapan Kemahiran Insaniah Dengan Strategi Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	155
5.3.1.4	Kaedah Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Menggalakkan Peranan Pensyarah dan Guru	156

Pelatih		
5.3.1.5	Keselarian Teori Penerapan Kemahiran Insaniah Dengan Teori Pembelajaran Konstruktivis	159
5.3.2	Implikasi Kepada Praktis	162
5.3.3	Cadangan Untuk Kajian Masa Depan	165
<b>BIBLIOGRAFI</b>		168
<b>APENDIKS</b>		193
<b>BIODATA PELAJAR</b>		211
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		212

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka surat</b>
1	Senarai Kursus Dalam Kursus Wajib, PISMP di IPG	11
2	Elemen KI yang Diterap Ke Dalam Kursus Wajib	12
3	Paradigma Pengajaran	17
4	Kriteria Pendekatan Berpusatkan Pelajar	21
5	Pendekatan Berpusatkan Guru	28
6	Pendekatan Berpusatkan Pelajar	29
7	Elemen KI Berserta Sub-Kemahiran	35
8	Perbezaan di Antara Persekuturan Pembelajaran Tradisional dan Konstruktivis	42
9	Kepercayaan Asas (Metafizik) Daripada Alternatif Paradigma Inkuiiri	52
10	Agihan Kursus Wajib Setiap Jabatan	58
11	Kursus Wajib PISMP	59
12	Jenis Temu Bual Separa Berstruktur	62
13	Maklumat Pemerhatian Dalam Kelas yang Telah Dijalankan	65
14	Rangka Kerja Pengumpulan Data	68
15	Profil Pensyarah	78
16	Elemen-elemen KI yang Telah Diterapkan Ke Dalam Kursus Wajib	111
17	Kaedah Penerapan Elemen-elemen Kemahiran Insaniah Ke Dalam Kursus Wajib	112
18	Profil Guru Pelatih	113
19	Kesesuaian Teori Penerapan Kemahiran Insaniah Dengan Strategi Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	156

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
1	Kerangka Pembangunan KI Dalam Kalangan Pelajar IPT	4
2	Kontinum Berpusatkan Guru Dan Berpusatkan Pelajar	30
3	Prinsip Reka Bentuk Kurikulum PISMP	38
4	Kerangka Teoritikal Kajian	40



## **SENARAI SINGKATAN**

IPG	Institut Pendidikan Guru
IPG KRM	Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar
IPT	Institut Pengajian Tinggi
KI	Kemahiran insaniah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bab ini akan memberikan maklumat tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan dan objektif kajian, persoalan kajian, signifikansi kajian, batasan kajian dan definisi terma-terma yang digunakan.

#### **1.2 Latar Belakang**

Semenjak Wawasan 2020 diwujudkan (1991), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif melakukan pembaharuan terhadap sistem pendidikan daripada pembelajaran tradisional berpusatkan guru kepada berpusatkan pelajar (iaitu daripada pembelajaran pasif kepada aktif). Usaha ini diteruskan melalui pelaksanaan pembangunan elemen kemahiran insaniah (KI) ke dalam kurikulum di Institut Pengajian Tinggi (IPT) (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010). KI adalah kebolehan seseorang untuk berinteraksi dengan orang lain, seperti kemahiran komunikasi, berunding, kemahiran menyesuaikan diri dengan perubahan, fleksibiliti, kerja berpasukan, membina hubungan dan kemahiran mendengar (Chaudhry, Khoo, Wu dan Chang, 2008). Pembangunan kemahiran ini lebih baik dibangunkan melalui penggunaan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (Hasbullah dan Sulaiman, 2002). Pendekatan ini akan menjamin pelajar membina minat mereka dan merangsang keinginan mereka terhadap pengetahuan dan kemahiran (Lee, 1999). Selain itu, keimbangan terhadap keupayaan mendapatkan pekerjaan dalam kalangan graduan universiti turut menjadi asas untuk melaksanakan pembangunan KI di IPT (Idrus, Mohd Dahan dan Abdullah, 2009; Roselina, 2009; Song dan Yuen, 2008).

Semenjak beberapa dekad yang lalu juga, dapat dikesan tumpuan kajian yang semakin meningkat terhadap Kemahiran Insaniah (KI) dan bidang berkaitan ciri-ciri KI (AC Nielsen Research Services, 2000; Assiter, 1995; Australian Council for Educational Research, 2001b; Barrie, 2006; Beckett dan Hager, 2002; Bennett et al., 2000; Bowden, Hart, King, Trigwell dan Watts, 2000; Clanchy dan Ballard, 1995; De La Harpe dan Radloff, 2000; Dearing Commission, 1997; Department of Education Science and Training, 2005; Drummond, Nixon dan Wiltshire, 1998; The Association of Graduate Recruiters, 1995). Namun di sebalik minat terhadap KI, masih terdapat percanggahan pendapat tentang bagaimana KI dapat difahami, ditakrifkan, digunakan, diajar dan dinilai dalam bidang pendidikan. Minat di seluruh dunia terhadap kajian KI telah menghasilkan takrifan KI yang pelbagai dan pembangunan KI dalam kalangan pelajar IPT berakar umbi daripada beberapa faktor yang dikelaskan secara umum sama ada secara pedagogi atau sosio-ekonomi. Secara pedagogi, teori pembelajaran situasi mencadangkan bahawa manusia akan belajar dengan lebih efektif dalam situasi yang memberi makna kepada mereka. Berdasarkan alasan ini,

penerapan KI ke dalam program pengajian pelajar atau konteks yang relevan kepada mereka terus menjadi fokus pembangunan KI di IPT.

Brooks dan Kofead (2013) menyokong integrasi di antara KI dan kemahiran lahiriah (*hard skills*) kerana integrasi memberi peluang kepada penggunaan idea yang tulen dan kreatif berdasarkan konteks sosial dan konteks budaya sesuatu karier. Penerapan adalah istilah yang telah diguna secara meluas dan di terima pakai dalam pengintegrasian KI. Walau bagaimanapun, masih juga wujud kekaburuan dan kekeliruan tentang maksud penerapan secara amalan selain daripada kekaburuan konsep KI dalam kalangan pihak yang berkepentingan. Namun dalam masa yang sama pelbagai pihak yang berkepentingan dalam bidang pendidikan telah menyatakan manfaat KI kepada pelajar (Al Abduwani, 2012; Ali, Long, Zainol dan Mansor, 2012; Chakraborty, 2009). Oleh itu, yang lebih penting adalah cabaran untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang dapat menerapkan KI secara efektif, yang mana dapat menghasilkan transformasi pemikiran kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan KI pelajar. Ramai di antara pihak berkepentingan yang cuba mengatasi cabaran ini dengan memperkenalkan KI sebagai kursus intensif dan hanya memberikan kelebihan jangka pendek kepada mereka. Terdapat juga segelintir yang berjaya mengatasi cabaran untuk jangka panjang dengan mewujudkan KI yang bersesuaian dengan bidang mereka dan dapat memahami kepentingan KI dalam kehidupan seharian, sama ada peribadi atau profesional.

Walaupun KI telah menjadi satu polisi di IPT, kebiasaannya KI wujud sebagai teori yang digariskan (*espoused theory*) (Argyris dan Schon, 1974) dan bukannya sebagai amalan pengajaran yang jelas. Kajian ini berpendapat bahawa hubungan di antara tanggapan ideal tentang penerapan KI dan kaedah di mana KI wujud dalam amalan pengajaran tidak selalunya konsisten. Sehingga kini kebanyakan kajian tentang KI membuat tanggapan bahawa KI bersifat universal dan tidak dipengaruhi oleh disiplin pengajaran di mana KI diterapkan (Jones, 2009a). Kajian ini akan meneliti tanggapan ideal tentang penerapan KI dengan pelaksanaannya dalam amalan pengajaran dan pembelajaran.

Andaian yang mendasari KI adalah KI dianggap boleh merentas disiplin, boleh dikenal pasti dan boleh diukur secara terasing daripada konteks disiplin. Namun semasa pihak IPT menyatakan kepentingan KI dan persetujuan ke atas beberapa elemen KI yang penting, didapati kajian yang telah diperhalus sehingga ke tahap mengkonsepsikan KI telah menunjukkan masih wujud perbezaan konsep KI yang jelas bagi setiap disiplin pengajaran (Jones, 2010).

Kajian ini tidak menganggap KI benar-benar bergantung kepada disiplin pengajaran. Sebaliknya kajian ini menganggap, walaupun terdapat kemungkinan KI itu adalah abstrak atau boleh di generalisasi, kaedah di mana KI di konsepsi tidak boleh difahami secara berasingan daripada disiplin pengajaran di mana KI itu wujud.

Oleh kerana KI adalah kurikulum yang terhasil daripada institusi modal insan, maka KI turut disokong oleh pelbagai nilai dan ideologi. Schiro (2008) mengelaskan ideologi ini kepada empat kumpulan utama iaitu; pembinaan semula sosial, kecekapan sosial, kesarjanaan akademik dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar. Kajian ini akan berfokus kepada ideologi kecekapan sosial dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar. Fokus ini bersesuaian dengan pernyataan Ross (2000) yang melabelkan kurikulum sebagai berpandukan objektif dan berpandukan proses.

Schiro (2008) percaya bahawa tujuan pendidikan adalah untuk melatih pelajar dalam kemahiran dan prosedur yang mereka akan perlukan di tempat kerja. Selain itu proses pendidikan juga berkaitan kecekapan menghasilkan produk akhir iaitu pelajar yang terpelajar. Individu yang telah menamatkan sesuatu program pengajian sewajarnya telah mencapai matlamat akhir yang telah di rancang oleh pendidik dan dapat memenuhi keperluan masyarakat.

Teori Kecekapan Sosial (Tyler, 1949) menyatakan, untuk mencapai keperluan masyarakat, pelajar harus dapat berfungsi sebagai anggota masyarakat yang matang menyumbang dengan menjadi cekap dan dapat melaksanakan. Guru memilih dan melaksanakan strategi pendidikan yang direka untuk membantu pelajar memperoleh tingkah laku yang ditetapkan dalam program pengajian. Objektif tingkah laku digunakan dan pelajar berlatih untuk mendapat dan mengekalkan kemahiran. Oleh itu, dalam ideologi yang didorong kecekapan sosial atau objektif, terdapat dua konsep utama yang berkaitan. Pertama, terdapat satu konsep beberapa perubahan tingkah laku pelajar (pembelajaran) yang dirancang. Kedua, peranan guru adalah untuk mewujudkan dan menentukan urutan pembelajaran (punca dan tindakan) yang membawa kepada maklum balas dan tindak balas yang dikehendaki (Ross 2000; Schiro 2008).


Kelebihan menerapkan KI ke dalam kurikulum siswazah secara eksplisit telah diperakui secara meluas (Barrie, 2006; Jones, 2002). Jones et al. (2007) menyatakan pengenalpastian kompetensi KI perlu difokuskan kepada perancangan, implementasi dan penilaian kurikulum yang dijalankan oleh institusi pendidikan supaya strategi pengajaran dan pembelajaran dan aktiviti penilaian dapat menunjukkan komitmen yang telah dilakukan untuk menyediakan pengalaman yang pelbagai dalam membangunkan KI pelajar sebagaimana ilmu dan kemahiran berkaitan disiplin pengajian pelajar.

Beberapa kajian (Atkins, 1999; Bennett, Dunne dan Carré, 2000; Gallagher, 2000; Harvey, Moon dan Geall, 1997) mendapati tanggapan kumpulan majikan terhadap pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sangat dipengaruhi oleh konteks interpretasi terhadap KI. Clanchy dan Ballard (1995) turut menyatakan adalah tidak realistik jika IPT memberi jaminan bahawa siswazah mereka mempunyai kesemua KI yang diingini, sebagaimana yang dinyatakan dalam kurikulum IPT terbabit. Jaminan seperti itu bakal mendedahkan IPT kepada kecaman atau lebih ekstrem tindakan undang-undang apabila KI siswazah tidak seperti yang dijamin. Walau

bagaimanapun, pihak IPT wajar menjamin bahawa pelajar mereka akan mempunyai peluang untuk belajar dan membangunkan KI di sepanjang tempoh pengajian mereka. Sejauh mana pelajar dapat membina KI mereka sangat bergantung pula kepada sikap dan motivasi individu, bukan hanya bergantung pada tenaga pengajar tetapi juga kepada pelajar itu sendiri.

Harvey et al. (1997) dan Te Wiata (2001) mendapati kebolehan pelajar untuk mengintegrasikan dan membangunkan KI berhubung kait dengan pembinaan keyakinan untuk mengaplikasikan KI dalam konteks baru dan berbeza termasuk di tempat kerja. Pengintegrasian dan pembangunan KI boleh berlaku apabila KI dimasukkan ke dalam objektif pembelajaran dan dinilai secara formal serta pelajar menerima tentang peri pentingnya KI dalam karier masa depan mereka (Bennett et al., 2000).

Di Malaysia, pembangunan KI dalam kalangan pelajar IPT telah diwajibkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bermula pada tahun 2006. Berdasarkan kerangka pembangunan KI di IPT Malaysia, terdapat tiga pendekatan pembangunan KI pelajar iaitu berdasarkan pengajaran dan pembelajaran formal, berdasarkan program sokongan dan berdasarkan kehidupan di kampus (Rajah 1).



**Rajah 1 Kerangka pembangunan KI dalam kalangan pelajar IPT. Sumber Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2010)**

Melalui kerangka pembangunan KI berdasarkan pengajaran dan pembelajaran formal, terdapat dua model alternatif iaitu Model terapan dan Model mata pelajaran mandiri. Model terapan dijalankan dengan menerapkan KI ke dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus pengajian manakala Model mata pelajaran mandiri dijalankan dengan

mewujudkan kursus khas berkaitan KI. Model terapan menjadi salah satu cara yang paling praktikal untuk membangunkan KI dalam kalangan pelajar, kerana melalui model terapan, perubahan yang perlu dibuat kepada struktur kursus semasa adalah minimum atau hampir tiada (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010) dan kemahiran boleh diajar serta dinilai mengikut konteks kursus pengajian (Crebert, 2002; Jones, 2009a; Vu, Rigby, Mather dan Macquarie University, 2011). Pelajar pula dapat membangunkan KI di sepanjang tempoh kursus mereka, kerana tidak semua kompetensi KI sesuai diterapkan bagi setiap kursus yang diajar pada satu-satu masa (Roselina, 2009).

Sebagai salah sebuah IPT Awam di Malaysia, Institut Pendidikan Guru (IPG) juga telah mula memperkenalkan KI ke dalam Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) bermula pada tahun 2007 dengan tujuan membangunkan KI dalam kalangan guru pelatih di IPG. IPG juga didapati mengaplikasikan model terapan KI apabila menerapkan KI hanya ke dalam Kursus Wajib PISMP (Bahagian Pendidikan Guru, 2010). Kaedah pelaksanaan penerapan KI ini sedikit berbeza dengan amalan di IPT awam yang lain di mana penerapan KI dijalankan pada semua kursus program pengajian. Kursus Wajib merujuk kepada semua kursus yang wajib dipelajari oleh semua guru pelatih di IPG sebagai asas kepada bidang pendidikan guru. Selain itu, IPG turut menyatakan elemen-elemen KI yang ingin diterapkan di dalam Buku Panduan PISMP (Bahagian Pendidikan Guru, 2010). Dalam konteks IPG, IPG telah pun menggunakan Model terapan KI dalam membangunkan KI pelajar, oleh itu pengkaji ingin mengkaji pengajaran dan pembelajaran Kursus Wajib dalam menerapkan kemahiran insaniah.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat banyak perbezaan pandangan tentang definisi KI (Freeman, Hancock, Simpson, Petocz, Denston dan Gibson, 2008) dari perspektif pelbagai pihak berkepentingan. Treleavan dan Voola (2008) mengutamakan terma-terma berkaitan KI yang pelbagai dan boleh berubah-ubah seperti kemahiran generik, kemahiran utama (*key skills*), kompetensi utama, kemahiran boleh dipindahkan (*transferable skills*), atribut siswazah, kemahiran mendapat pekerjaan (*employability skills*) (Curtis dan McKenzie, 2002), kebolehan siswazah (Bowden et al., 2000), atribut generik siswazah (Barrie, 2004; Bowden et al., 2000), kemahiran profesional, kemahiran boleh dipindahkan personal (*personal transferable skills*) (Drummond et al., 1998) dan kompetensi generik (Tuning Report, 2008). Walau bagaimanapun, frasa-frasa seperti kemahiran generik, atribut siswazah, kualiti siswazah dan sebagainya boleh dianggap sebagai sinonim atau “*hyponymous*” (Bowden et al., 2000). Kajian ini lebih cenderung menggunakan istilah KI sebagaimana yang telah digariskan oleh pihak KPM.

Dari aspek pengajaran dan pembelajaran, kemahiran lahiriah (*hard skills*) boleh dipelajari, mudah dinilai dan semakin sempurna dari semasa ke semasa manakala KI pula memerlukan usaha yang pelbagai dan berkesan

untuk diterap ke atas individu agar dapat membentuk personaliti yang kompeten KI dan kompetensi KI tersebut dapat merentasi disiplin karier mereka. Sebagai contoh seorang guru memerlukan kemahiran lahiriah seperti menguasai kandungan ilmu yang akan diajar, menguasai pedagogi dan memahami fisiologi dan psikologi pelajar. Sebagai pelengkap, KI yang perlu ada pada seorang guru ialah mahir berkomunikasi dengan pelajar, empati, mendengar secara aktif dan mempunyai sifat kepimpinan.

Kebanyakan kajian lepas berkaitan KI berbentuk deskriptif dan bersifat sebagai sokongan kepada kajian lain. Sedikit sahaja kajian yang cuba untuk menghasilkan teori sifat KI dan tidak kurang juga kajian yang mencabar teori sedia ada (Canning, 2007). Pelbagai skop kajian KI yang telah dijalankan di Malaysia tertumpu kepada kebimbangan terhadap tahap KI graduan di IPT (Ng, Heskin dan Sharma, 1994, Shaharuddin, Noriah, Khaidzir dan Jumali, 2010) namun dalam masa yang sama Ali et al. (2012) dan Roselina (2009) menyatakan pada kebiasaananya elemen KI adalah sukar diajar walaupun ia penting dalam dunia pekerjaan. Maka adalah lebih utama untuk memastikan KI dapat difahami dan diterima oleh kedua-dua pengajar dan pelajar agar KI dapat diajar dan dipelajari dengan efektif oleh pengajar dan pelajar. Untuk itu penerapan KI melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran formal adalah sangat signifikan untuk membolehkan pelajar membangunkan KI mereka dengan berkesan.

Kajian KI dalam bidang pendidikan (Barrie, 2004) menyokong pembangunan KI diintegrasikan atau diterap ke dalam kurikulum sedia ada berbanding pendekatan mata pelajaran mandiri (*bolt-on*) yang memerlukan penambahan kepada unit pembelajaran dalam sesuatu program. Namun penerapan KI ke dalam kurikulum sedia ada masih berdepan dengan cabaran untuk memastikan pelajar dapat menggunakan KI mereka bukan sahaja dalam konteks disiplin pengajian mereka malah di semua konteks kehidupan mereka, terutamanya apabila bekerja supaya momentum pembelajaran sepanjang hayat dapat dikelakkan. Konsep ini dinamakan konsep kebolehpindahan (*transferability*) KI.

Konsep kebolehpindahan KI telah menjadi isu yang diperdebatkan dalam literatur untuk beberapa tahun (Clanchy dan Ballard, 1995; Eraut, 1994; Oates, 1992; Tennant, 1999), di mana kebanyakan debat berkisar tentang sama ada KI yang dipelajari dalam satu konteks boleh dipindahkan kepada konteks lain seperti tugas, orang dan jangkaan (Atkins, 1999) yang mana, mungkin sangat berbeza dan memerlukan pendekatan pembelajaran yang sepenuhnya baru serta perpindahan dan penggunaannya dalam konteks yang baru. Apa yang jelas ialah KI tidak boleh dipelajari atau dibangunkan di luar konteks (Bowden et al., 2000; Clanchy dan Ballard, 1995; Jones, 2009b; McPeck, 1990), tetapi perpindahan dan penggunaan di antara konteks boleh wujud apabila wujud pengajaran yang membantu kepada pemindahan KI (Blumhof, Hall dan Honeybone, 2001). Canning (2007) menganggap konsep kebolehpindahan KI sebagai sangat bermasalah kerana terdapat sedikit bukti yang meyakinkan untuk menyokong hujah bahawa kemahiran boleh

dipindahkan ke seluruh konteks walaupun pada tahap yang paling asas (Cree, Macaulay dan Loney, 1998).

Moore (2000) menyatakan guru (pensyarah) adalah faktor yang sangat mempengaruhi pembelajaran pelajar (guru pelatih). Oleh itu memahami struktur kepercayaan pensyarah adalah penting untuk menambah baik amalan pengajaran mereka (Pajares, 1992). Justeru kajian terhadap kepercayaan dan amalan pensyarah terhadap pengajaran Kursus Wajib yang membantu kepada kebolehpindahan KI (Honeybone, Blumhof, Hall dan Palmer, 2001) juga perlu dikaji agar kondisi dan kriteria yang membolehkan KI dipindahkan dan dapat digunakan di antara konteks dapat dikenal pasti.

Penerapan KI ke dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran tanpa menyedari konsep KI secara eksplisit akan meminimumkan sifat kebolehpindahan KI dan teori yang digariskan tidak selari dengan amalan penerapan. Masalah yang muncul ialah apakah kepercayaan pensyarah dan guru pelatih dan bagaimana mereka mengamalkan pengajaran dan pembelajaran Kursus Wajib dalam menerapkan KI, dapat membuat refleksi terhadap elemen dalam KI secara eksplisit dan mengenal pasti kaedah menerapkan elemen KI tersebut. Jika strategi penerapan mempunyai impak yang optimum terhadap konsep kebolehpindahan KI, maka kedua-dua kepercayaan dan amalan pengajaran dan pembelajaran Kursus Wajib dalam menerapkan KI perlu dikaji. Oleh itu adalah perlu kajian tentang apakah yang dipercayai oleh pensyarah dan guru pelatih dan bagaimana mereka mengamalkan pengajaran dan pembelajaran Kursus Wajib dalam menerapkan KI di IPG dijalankan.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Walaupun pihak KPT telah menjadikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran formal sebagai salah satu pendekatan pembangunan KI di IPT, kajian lepas telah menunjukkan masih terdapat perbezaan kepercayaan terhadap pendekatan tersebut. Keadaan ini memberi gambaran bahawa masih terdapat isu yang diperdebatkan dalam literatur tentang pendekatan penerapan KI yang membolehkan pelajar membina KI mereka sehingga dapat memindahkan KI yang mereka faham ke seluruh konteks kehidupan dan masa depan mereka. Situasi ini mendorong kepada kajian terhadap kepercayaan pensyarah dan guru pelatih (pelajar) di IPG terhadap pengajaran dan pembelajaran Kursus Wajib dalam menerapkan KI di IPG. Oleh itu persoalan kajian adalah seperti berikut;

- 1) Apakah kepercayaan pensyarah terhadap pengajaran Kursus Wajib dalam menerapkan KI di IPG?
- 2) Bagaimana pensyarah mengamalkan pengajaran Kursus Wajib yang menerapkan KI di IPG?
- 3) Apakah kepercayaan guru pelatih terhadap pembelajaran Kursus Wajib dalam menerapkan KI di IPG?
- 4) Bagaimana guru pelatih mengamalkan pembelajaran Kursus Wajib yang menerapkan KI di IPG?

Secara khusus objektif kajian adalah seperti berikut;

- 1) Mengenal pasti kepercayaan pensyarah terhadap pengajaran Kursus Wajib dalam menerapkan KI.
- 2) Mengenal pasti amalan pensyarah dalam pengajaran Kursus Wajib yang menerapkan KI di IPG KRM.
- 3) Mengenal pasti kepercayaan guru pelatih terhadap pembelajaran Kursus Wajib dalam menerapkan KI.
- 4) Mengenal pasti amalan guru pelatih dalam pembelajaran Kursus Wajib yang menerapkan KI di IPG KRM.
- 5) Mengenal pasti elemen-elemen KI yang diterapkan ke dalam Kursus Wajib.
- 6) Mengenal pasti kaedah penerapan elemen-elemen KI ke dalam Kursus Wajib.

### **1.5 Signifikan Kajian**

Terdapat beberapa kriteria yang telah dikenal pasti sebagai signifikan kepada kajian ini. Pertama, penyelidik menjangkakan kajian ini dapat menyumbang kepada pembangunan teori pendidikan berkaitan kajian penerapan KI ke dalam program pendidikan guru. Adalah penting untuk mengkaji secara kritikal proses penerapan KI dalam konteks IPG dengan tujuan mengatasi perbezaan perspektif di antara pensyarah dengan guru pelatih berkaitan penerapan KI ke dalam PISMP.

